

UMS, PPA meterai kerjasama perkukuh simpanan pencen golongan muda

UB 07.02.2024 P.06

KOTA KINABALU: Selaras usaha meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan memperkukuhkan simpanan pencen dalam kalangan orang muda, Universiti Malaysia Sabah (UMS) memeterai satu perjanjian kolaboratif penyelidikan dengan Private Pension Administrator Malaysia (PPA).

Perjanjian kolaboratif penyelidikan itu dimeterai dalam satu majlis yang berlangsung di UMS baru-baru ini.

UMS diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj Mansor menandatangani dokumen perjanjian itu, manakala PPA diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Husaini Hussin.

Melalui kerjasama itu, kedua-dua institusi akan memulakan projek penyelidikan selama setahun yang bertajuk 'Enhancing Pension Saving Awareness and Intention Among Young Working Adults in East Malaysia.'

Penyelidikan antara lain



METERAI: Kasim dan Husaini bertukar dokumen selepas menandatangani dokumen perjanjian kolaboratif penyelidikan bersama.

bertujuan untuk menilai tahap kesedaran simpanan pencen semasa, mengenal pasti faktor yang mempengaruhi, dan membangunkan strategi dalam meningkatkan hasrat untuk mempunyai simpanan pencen.

Demografi dan landskap ekonomi di Sabah dan Sarawak yang unik mewujudkan satu rangka kerja yang menarik untuk kajian tersebut, yang penting dalam memastikan keselamatan kewangan dalam

komuniti untuk tahun yang mendatang.

Terdahulu, Kasim dalam ucapannya berkata, kerjasama itu adalah usaha berterusan UMS untuk menyumbang kepada masyarakat melalui penyelidikan ke arah menangani isu-isu realiti dunia masa kini.

"Kolaboratif ini mengumpulkan satu usaha ke arah keperluan merancang fasa persaraan dengan sumber pe-

runtukan pencen mencukupi" katanya.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Dr. Raman Noordin; Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar; Ketua Pustakawan UMS, Md. Sazali Md. Salleh; Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik, Prof. Madya Ts. Mohd. Hanafi Ahmad Hijazi; dan Penguru Pemasaran PPA, Wong Mew Sum.